

THE ATTRIBUTES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS WHO ACT AS DAIE IN SABK

SIFAT-SIFAT GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI DAIE DI SABK

Nurul Muliani Mohd Isaⁱ & Rosmawati Mohamad Rasitⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Pelajar Sarjana, Pusat Kesejahteraan Masyarakat dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nmmi.ainul@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Masyarakat dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. rosmawati@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Islamic education teachers are very important daies or preachers in the society because they are assets in moulding excellent and credible generation. A daie, therefore shall possess attributes that attract interest of the mad'u or preached ones. Therefore, this study aims at investigating attributes of daie which are instilled into Islamic education teacher who acts as daie in real life and applies such attributes in the teaching and learning process both in the classroom and outside. Quantitative research design with survey method is used in this research. Collected data analysed by using SSPS software application version 2.3. Research findings gained in this study, are from the views of Islamic Education Teachers or GPI at Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) or Government Aided Religious School in Penang. The research outcomes are classified into three aspects of attributes of GPI as a daie. They are relationship with Allah SWT, relationship within human beings and relationship with the universe. The research outcomes show significant values for aspects of attributes of daie. If the attributes are practiced, they can be potential in influencing the focus and interest of mad'u or the preached ones towards serving one's purposes. Hence, such great attributes found in a person is potential to create great changes in an organization.</i></p> <p>Keywords: <i>Daie, education, teacher, educator, character.</i></p>
Abstrak	<p><i>Guru Pendidikan Islam (GPI) adalah seorang daie yang amat penting kepada masyarakat kerana mereka merupakan aset dalam membina generasi yang unggul dan berwibawa. Seorang daie itu perlu memiliki sifat-sifat yang mampu untuk menarik minat para mad'u. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sifat-sifat daie yang diterapkan oleh GPI sebagai seorang daie dalam kehidupan serta pengaplikasian dalam pengajaran dan pembelajaran samada di dalam kelas atau diluar kelas. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dengan kaedah kajian soal selidik dengan menggunakan kaedah analisis menggunakan perisian SPSS 2.0. Hasil kajian adalah daripada pandangan para GPI di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Pulau Pinang. Manakala dapatan hasil kajian diklafikasikan kepada tiga bahagian sifat-sifat GPI Sebagai seorang daie iaitu hubungan dengan Allah SWT merangkumi hubungannya dengan Allah SWT, hubungannya sesama manusia dan hubungannya dengan alam. Hasil analisis data menunjukkan nilai signifikan bagi bahagian-bahagian sifat-sifat daie. Maka jika diamalkan mampu mempengaruhi fokus dan minat mad'u kepada perkara yang ingin disampaikan.</i></p>

Oleh itu, sifat-sifat yang hebat jika terdapat dalam diri seseorang itu mampu mencetus perubahan yang besar dalam sesuatu organisasi.

Kata kunci: Daie, pendidikan, guru, pendidik, karakter.

PENDAHULUAN

Menurut Karim Zaidan (2010), Aziz (1997) & al-Bayanuni (2001), daie (pendakwah) adalah orang yang menyampaikan Islam, mengajarkan ilmu agama Islam dan berusaha memastikan Islam terlaksana. Tambahan lagi, menurut Aziz (1997) lagi daie juga perlu mempunyai pendekatan tertentu serta mempunyai kelengkapan dalam ilmu agama Islam di samping mengetahui sasaran dakwah yang betul. Bahkan, daie turut memiliki kelebihan untuk membawa mesej kepada manusia supaya beriman kepada Allah SWT (al-Bayanuni, 2001).

Manakala dalam bidang pendidikan, Guru Pendidikan Islam (GPI) dianggap sebagai daie kerana terdapat usaha GPI untuk mengajak pelajar melakukan kebaikan melalui peribadi, akhlak dan menggunakan pendekatan yang sesuai (Azam, 2009). Hal ini, kerana tugas GPI juga dianggap sebagai tugas seorang daie (Muhammad Faiz et al, 2012) yang mana tugas mereka adalah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan perlaksanaan dalam kehidupan seharian (Ab Halim Tamuri, Faiz & Kamarul et al, 2012). Justeru itu, sebagai GPI haruslah melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang sebagai seorang dai supaya dapat memaksimumkan keberkesanan dakwah yang dijalankan (Ab Halim Tamuri, Faiz & Kamarul, 2012).

DAPATAN KAJIAN

Menjaga Hubungan dengan Pencipta

Jadual 4.2 menunjukkan hasil kajian GPI di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Pulau Pinang sebagai daie dalam aspek menjaga hubungan dengan pencipta. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jawapan kebanyakan responden kajian pada soalan B3 iaitu item 'menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai panduan dalam hidup' adalah mencatat hasil yang paling sering diamalkan iaitu nilai min = 4.79, sisihan piawai = 0.72.

Manakala, yang kedua selalu diamalkan ialah B1 iaitu item 'menganggap mendidik sebagai tanggungjawab terhadap Allah SWT' iaitu nilai min = 4.74, sisihan piawai = 0.63. Selain itu, ketiga yang sering diamalkan ialah B4 iaitu item 'setiap pekerjaan diniatkan sebagai ibadah' iaitu nilai min = 4.70, sisihan piawai = 0.768. Seterusnya, soalan B13 iaitu item 'berpuasa sunat sebagai amalan' iaitu nilai min = 2.99, sisihan piawai = 0.73 adalah amalan yang paling kurang diamalkan oleh GPI SABK sebagai seorang daie dalam aspek menjaga hubungan dengan Allah SWT.

Jadual 2: Analisis Data Sifat-Sifat GPI Sebagai Daie Dalam Menjaga Hubungan Dengan Pencipta

No	Menjaga Hubungan dengan Pencipta	Peratusan %					Min	S.P
		SS	S	KK	J	TP		
B1	Menganggap mendidik sebagai tanggungjawab terhadap Allah SWT	56 (80%)	12 (17.1%)	1 (1.4%)	-	1 (1.4%)	4.74	.630
B3	Menjadikan al-Quran dan al-Hadith sebagai panduan dalam	61 (87.1%)	7 (10%)	-	-	2 (2.9%)	4.79	.720

B4	hidup Setiap pekerjaan diniatkan sebagai ibadah	56 (80%)	11 (15.7%)	1 (1.4%)	-	2 (2.9%)	4.70	.768
B5	Menunaikan solat pada awal waktu	22 (31.4%)	35 (50%)	11 (15.7%)	2 (2.9%)	0	4.10	.764
B6	Sentiasa berada dalam keadaan berwuduk	9 (12.9%)	21 (30%)	33 (47.1%)	7 (10%)	0	3.46	.846
B7	Mengamalkan wirid harian (<i>tasbih, tahmid, tahlil</i> dll)	15 (21.4%)	36 (51.4%)	15 (21.4%)	4 (5.7%)	0	3.89	.808
B9	Membaca al- Quran setiap hari	29 (41.4%)	26 (37.1%)	14 (20%)	1 (1.4%)	0	4.19	.804
B10	Selalu Membaca buku-buku agama	10 (14.3%)	30 (42.9%)	25 (35.7%)	5 (7.1%)	0	3.64	.817
B13	Berpuasa sunat sebagai amalan	1 (1.4%)	15 (21.4%)	36 (51.4%)	18 (25.7%)	-	2.99	.732
B14	Melaksanakan qiamullail	4 (5.7%)	26 (37.1%)	19 (27.1%)	19 (27.1%)	2 (2.9%)	3.16	.987

Sumber: Borang Soal Selidik 2018

Oleh itu, hasil data menunjukkan kebanyakan GPI SABK berpandukan al-Quran dan Hadis dalam kehidupan mereka. Gazali Darulsalam (1996) turut menyebut bahawa sifat daie itu mestilah memahami maksud al-Quran dan al-Hadis, beramal dan berilmu berdasarkan firmannya. Tambahan lagi, Ahamad Ghalus (1987) turut menjelaskan bahawa sifat seorang daie jika turut berkaitan hubungan daie dengan Allah SWT iaitu setiap daie itu perlu membimbing mad'u ke jalan kebenaran berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Maka hubungan daie dengan penciptanya haruslah bersifat mutlak dan kukuh. Di mana hasil kajian turut menunjukkan GPI SABK menganggap mendidik pelajar merupakan satu tanggungjawab terhadap Allah SWT.

Menjaga Hubungan dengan Manusia

Berdasarkan jadual 4.3 menunjukkan hasil kajian GPI di SABK Pulau Pinang sebagai daie dalam aspek menjaga hubungan dengan manusia melalui item B20 "menjaga tanggungjawab terhadap pelajar" iaitu mencatat min tertinggi iaitu min=4.36, sisihan piawai=0.66. Daripada dapatan ini juga, mendapati bahawa amalan kedua tertinggi ialah item B15 "saya sentiasa meraikan pandangan yang diberikan oleh pelajar mencatat min=4.27, sisihan piawai=0.78. Seterusnya, GPI SABK dalam mengamalkan item B24 dan item B34 iaitu "Saya lebih bersifat terbuka dalam memberi pandangan ketika mengajar" dan "Bersifat mesra dengan pelajar" telah mencatat min yang sama iaitu min=4.20, sisihan piawai=0.80 yang merupakan amalan ketiga tertinggi bagi GPI SABK dalam menjaga hubungan dengan manusia. Namun begitu, melalui item B43 GPI SABK paling kurang "menggunakan perumpamaan dalam memberikan nasihat". Hal ini, kerana setiap PdP haruslah diajar mengikut perkembangan generasi sesuatu zaman.

Jadual 2.1: Analisis Data Sifat-Sifat GPI Sebagai Daie Dalam Menjaga Hubungan Dengan Manusia

No	Menjaga Hubungan Dengan Manusia	Peratusan %					Min	S.P
		SS	S	KK	J	TP		
B15	Saya sentiasa meraikan pandangan yang diberikan oleh pelajar	30 (42.9%)	32 (45.7%)	5 (7.1%)	3 (4.3%)	-	4.27	.779
B20	Menjaga tanggungjawab terhadap pelajar	30 (42.9%)	37 (52.9%)	1 (1.4%)	2 (2.9%)	-	4.36	.660
B21	Pelajar dianggap sebagai sahabat	24 (34.3%)	32 (45.7%)	9 (12.9%)	4 (5.7%)	1 (1.4%)	4.06	.915
B23	Tidak memainkan perasaan dan emosi pelajar	21 (30%)	32 (45.7%)	9 (12.9%)	5 (7.1%)	3 (4.3%)	3.90	1.052
B24	Saya lebih bersifat terbuka dalam memberikan pandangan ketika mengajar	27 (38.6%)	33 (47.1%)	7 (10%)	3 (4.3%)	-	4.20	.791
B25	Saya sedia membantu pelajar selain di luar sesi pengajaran	20 (28.6%)	40 (57.1%)	9 (12.9%)	1 (1.4%)	-	4.13	.679
B26	Saya bersikap sopan terhadap murid semasa sesi PdP	23 (32.9%)	39 (55.7%)	5 (7.1%)	3 (4.3%)	-	4.17	.742
B28	Menasihati menggunakan ungkapan dengan lemah lembut	19 (27.1%)	43 (61.4%)	6 (8.6%)	2 (2.9%)	-	4.13	.679
B31	Menyayangi setiap pelajar seperti anak sendiri	27 (38.6%)	33 (47.1%)	7 (10%)	3 (4.3%)	-	4.17	.834
B33	Tidak memalukan pelajar di hadapan kawan-kawannya atau orang lain	18 (25.7%)	35 (50%)	10 (14.3%)	7 (10%)	-	3.91	.897
B34	Bersifat mesra dengan pelajar	24 (34.3%)	38 (54.3%)	6 (8.6%)	2 (2.9%)	-	4.20	.714
B36	Menyentuh hati	16	32	19	3	-	3.87	.815

	pelajar dalam berbicara	(22.9%)	(45.7%)	(27.1%)	(4.3%)			
B37	Memilih kata-kata memberi kesan kepada pelajar	18 (25.7%)	34 (48.6%)	15 (21.4%)	3 (4.3%)	-	3.96	.806
B39	Mengungkapkan hal positif/puji terdahulu sebelum memulakan kelas	19 (27.1%)	30 (42.9%)	19 (27.1%)	2 (2.9%)	-	3.94	.814
B42	Memberi solusi selepas memberi teguran atau nasihat	13 (18.6%)	38 (54.3%)	16 (22.9%)	3 (4.3%)	-	3.87	.760
B43	Menggunakan perumpamaan dalam memberi nasihat	12 (17.1%)	34 (48.6%)	20 (28.6%)	4 (5.7%)	-	3.77	.802
B44	Memuji murid selepas selesai menjawab /bertanya	20 (28.6%)	40 (57.1%)	8 (11.4%)	2 (2.9%)	-	4.11	.713

Sumber: Borang Soal Selidik 2018

Menurut Karim Zaidan (2010) pula, beliau membahagikan sifat seorang daie berdasarkan akhlak seorang daie iaitu sabar, benar, adanya kasih sayang, merendahkan diri dan menyantuni para masyarakat serta uzlahkan diri dalam mendekati diri kepada Allah SWT dan bukan memisahkan diri daripada masyarakat. Di mana, analisis data GPI SABK tanggungjawab terhadap pelajar mereka berada pada nilai yang tertinggi. Namun begitu, sifat mesra dan keterbukaan GPI SABK dalam PdP berkaitan hubungan dengan pelajar masih pada tahap yang sederhana. Manakala, menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (2000) pula Allah SWT menyuruh Rasulullah SAW bersabar dan melarang baginda dan melarang baginda mengikut jejak nabi Yunus yang ditegur oleh Allah SWT kerana tidak sabar lalu meninggalkan kaumnya yang ingkar.

Menjaga Hubungan dengan Alam

Terdapat lima item yang diajukan untuk melihat sifat-sifat GPI SABK sebagai daie dalam menjaga hubungan dengan alam. Sebagai seorang GPI SABK ramai yang percayaa akan kekuasaan Allah SWT iaitu item B53 "melihat kebesaran Allah SWT melalui penciptaanNya" merupakan amalan yang paling tinggi yang diamalkan dalam menjaga hubungan dengan alam iaitu min=4.44, sisihan piawai=0.78. Manakala amalan B49 "mengamalkan budaya kitar semula" paling kurang diamalkan oleh para GPI SABK iaitu nilai min=3.67, sisihan piawai=0.79. Hal ini menunjukkan, bahawa kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah SWT dalam kalangan GPI SABK amat tinggi namun pengamalan dari sudut penjagaan alam sekitar kurang dititik beratkan.

Jadual 2.2: Analisis Data Sifat-Sifat GPI Sebagai Daie Dalam Menjaga Hubungan Dengan Alam

No	Menjaga Hubungan Dengan Alam	Peratusan %					Min	S.P
		SS	S	KK	J	TP		

B48	Tidak membazir semasa menggunakan elektrik dan air	20 (28.6%)	36 (51.4%)	12 (17.1%)	1 (1.4%)	1 (1.4%)	4.04	.806
B49	Mengamalkan budaya kitar semula	12 (17.1%)	25 (35.7%)	31 (44.3%)	2 (2.9%)	-	3.67	.793
B51	Saya tidak membuang sampah di merata-rata tempat	28 (40%)	31 (44.3%)	6 (8.6%)	3 (4.3%)	2 (2.9%)	4.14	.952
B52	Mengaitkan alam semulajadi dalam PdP	14 (20%)	32 (45.7%)	16 (22.9%)	6 (8.6%)	2 (2.9%)	3.71	.980
B53	Melihat kebesaran Allah SWT melalui penciptaanNya	39 (55.7%)	26 (37.1%)	3 (4.3%)	1 (1.4%)	1 (1.4%)	4.44	.773

Sumber: Borang Soal Selidik 2018

Kesimpulannya melalui data yang diperolehi dalam bahagian B kebanyakan GPI SABK lebih dominan dalam menjaga hubungan dengan manusia iaitu nilai min =4.1. Manakala dalam aspek menjaga hubungan dengan Allah SWT dan menjaga hubungan dengan alam masing-masing menunjukkan tahap yang sama iaitu sederhana dengan nilai min=4.0 bagi kedua-dua bahagian ini. Oleh itu, GPI SABK lebih mengutamakan menjaga hubungan dengan manusia dalam kehidupan mereka. Hal ini, menunjukkan sifat-sifat sebagai seorang daie GPI SABK lebih dominan adalah dalam menjaga hubungan dengan manusia. Menjaga hubungan dengan manusia akan mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

PENUTUP

Kesimpulan daripada hasil analisis kajian menunjukkan bahawa penting kepada semua GPI memiliki sifat-sifat sebagai daie. Hal ini kerana dalam menyampaikan dakwah seseorang daie itu perlu melengkapkan dirinya dengan sifat-sifat yang terpuji. Melengkapkan diri dengan menjaga hubungan dengan Allah SWT menjaga hubungan dengan manusia dan menjaga hubungan dengan alam. Namun begitu, hubungan dengan manusia adalah suatu sifat-sifat yang amat penting kepada daie.

Hal ini kerana hasil kajian menunjukkan peratusan menjaga hubungan dengan manusia amat penting kepada GPI semasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesianambungan menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga hubungan sesame manusia perlulah seiring demi keberkesanan dalam menyampaikan dakwah kepada para pelajar semasa PdP. Namun begitu, GPI janganlah melupai sifat seorang daie dalam menjaga hubungan dengan alam. Justeru ketiga-tiga aspek sifat-sifat daie ini perlulah diaplikasikan oleh seorang daie.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azaman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (1): 43-56.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Kompenan Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. Jurnal GJAT 2 (2): 53-63.

- Ahmad Ghalush. 1987. *Dakwah Islamiyah*. Kaherah: Darul Kutub Misr.
- Mohd Azam Mahat. 2009. *Guru: Pendidik, Pengajar atau Pendakwah*. Shah Alam: Karisma Pub.
- al Bayanuni, Muhammad Abu Fatah. 2001. *Al-Madkhal Ila 'Ilmi al-Da'wah*. Lebanon: Mu'assasah al-Dirasah Nashirun.
- Muhaqqiq Muhammad Hamid al Fiqqy. 2000. *Tafsir Ibnu Qayyim: Tafsir Ayat-ayat Pilihan*. Terj. Kathur Suhardi, Penyn. Syaikh Muhammad Uwais an Nadwy. Jakarta Timur: Darul Falah.
- Ghazali Darusalam. 1996. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Selangor: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2010. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.